UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : NOVEMBER / 4 / 2026
M/S : 4

Malaysia berpotensi jadi sasaran serangan siber



Anwar minta rakyat kekal tenang, namun sentiasa waspada

Oleh Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia antara negara berpotensi menjadi sasaran serangan siber, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, walaupun tidak semua maklumat boleh didedahkan, kekuatan digital dan pendirian Malaysia terhadap beberapa isu tertentu menyebabkan negara menjadi perhatian.

"Malaysia sememangnya antara yang dianggap sebagai sasaran. Ada dua perkara. Pertama, kerana kekuatan kita dalam bidang digital dan pusat data antara terkuat. Berdasarkan angka terkini dua minggu lalu, kekuatan kita mampu menyaingi Eropah.

"Kedua, kerana pendirian tegas kita terhadap beberapa isu yang dianggap kontroversi oleh sesetengah negara, khususnya Eropah dan Amerika, terutama berkait Palestin serta Gaza," katanya ketika membaca Kenyataan Rasmi Negara di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, kerajaan mengambil maklum langkah diambil beberapa negara, termasuk Kanada, Jepun serta Kesatuan Eropah yang menasihati rakyat masing-masing supaya menyimpan bekalan makanan.

Justeru, Perdana Menteri meminta Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi taklimat khas secara tertutup kepada semua Ahli Parlimen dalam tempoh terdekat sekiranya dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

"Saya percaya perkara ini sangat penting kerana berdasarkan maklumat diperoleh dan juga daripada Menteri Dalam Negeri, hal ini jangan kita pandang ringan.

"Saya juga memohon kerjasama semua Ahli Parlimen, kerajaan dan pembangkang untuk memberi ruang kepada MKN dalam tempoh satu dua hari untuk mendengar sendiri perkembangan ini," katanya.

Adakan sesi khas

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar akan mempengerusikan mesyuarat bersama semua jabatan berkaitan, manakala Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengadakan sesi khas bersama semua institusi kewangan.

Pada Waktu Pertanyaan Menteri, Anwar meminta rakyat kekal tenang, namun harus sentiasa berwaspada susulan kedudukan Malaysia yang berpotensi menjadi sasaran serangan siber.

Katanya, sesetengah negara memilih untuk berdiam diri supaya tidak menimbulkan panik dalam kalangan rakyat, selain ada kota, termasuk di Asia, yang mana penduduknya mula menyimpan stok barangan makanan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan memilih untuk mendedahkan perkara itu di Dewan Rakyat supaya rakyat tahu mengenainya, namun tidak mahu rakyat berasa panik.

"Tenang tapi harus waspada. Jika ada apa-apa maklumat mengenai pencerobohan atau gangguan dari segi digital dan teknologi, ini harus dimaklumkan segera. Bagaimanapun, saya fikir jika kita panik, hal itu akan melemahkan kekuatan kita.

"Sesetengah negara mengadakan beberapa pertemuan darurat sekarang, tapi perbincangan kita tidak sampai ke situ, cuma dimaklumkan. Jika semalam (kelmarin) keputusannya mendesak, saya akan panggil mesyuarat tergempar segera, tak tunggu Jumaat. Keadaan ini kita pantau saban hari," katanya.

Anwar memberi jaminan keselamatan siber dan ekonomi digital negara dalam keadaan terkawal di bawah penyelarasan MKN dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), malah semua jabatan dan agensi kerajaan sedang bergerak dalam memastikan bekalan ubat dan makanan mencukupi.